

23/01/1997

Kabinet jangka lulus penswastaaan sampah

KUALA LUMPUR, Rabu - Kabinet dijangka meluluskan cadangan penswastaaan kutipan dan pelupusan sampah di seluruh negara Oktober depan, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh.

Menurutnya, draf cadangan mengenai program penswastaaan itu akan dikemukakan kepada jemaah menteri secepat mungkin sebelum dibentangkan di parlimen untuk mendapatkan kelulusan.

"Kerja penswastaaan itu belum dijalankan berikutan konsortium yang dipilih masih berbincang dengan pihak tertentu seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Unit Perancang Ekonomi dan Perbendaharaan.

"Draf cadangan itu hanya boleh dibentangkan kepada Kabinet untuk diluluskan secepat-cepatnya Oktober depan," katanya kepada pemberita di majlis perjanjian di antara Tongkah Holdings Berhad dan Otto International, syarikat konglomerat Jerman yang terbabit dalam sistem pelupusan sisa pepejal di Eropah.

Turut hadir ialah Pengerusi Eksekutif Kumpulan Syarikat Tongkah (Tongkah), Mokhzani Mahathir dan Pengurus International Exports OTTO Industries GmbH, Lucien Rosler.

Penswastaaan yang sepatutnya dilaksanakan awal tahun ini ditangguhkan berikutan kegagalan konsortium yang dilantik menjalankan kerja berkenaan mencapai persetujuan dalam pelbagai aspek, termasuk kadar bayaran perkhidmatan.

Ting berkata, kelulusan berkenaan terpaksa memakan masa yang lama kerana ia membabitkan undang-undang termasuk kadar bayaran perkhidmatan supaya program penswastaaan itu tidak membebankan rakyat.

"Kita tidak boleh terburu-buru melaksanakan program ini kerana ia membabitkan penggubalan undang-undang mengenai sistem pelupusan sampah di seluruh negara.

"Contohnya, kerajaan persekutuan terpaksa mengambil alih sistem pengendalian pelupusan sampah dari kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan yang mengendalikannya pada masa ini sebelum ia boleh diswastakan," katanya.

Selain itu, beliau berkata, undang-undang baru itu juga mesti mengambil kira beberapa perkara seperti kadar bayaran kerana ia membabitkan kepentingan pengguna, tetapi tidak merugikan pemaaju.

"Kadar bayaran perkhidmatan umpamanya, perlu penelitian terperinci baik cara kutipan atau asas perkiraan bayaran. Bagaimanapun, kita tidak mahu pemaaju mengalami kerugian berikutan kadar bayaran terlalu murah.

"Saya kurang pasti jumlah sebenar kos perkhidmatan berkenaan, tetapi saya difahamkan ia berharga RM2 bilion untuk 25 tahun bergantung kepada sesuatu wilayah kerana perkhidmatan ini hanya di kawasan bandar," katanya.

(END)